

# Peminjam mula bayar hutang

» Ramai hadir ke kaunter PTPTN, elak nama masuk senarai CCRIS

Oleh Suzalina Halid, Betty Subaryati, Anis Nabilla Md Wazilah, Viannie Amin  
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Hanya selepas amaran peminjam yang tidak membayar hutang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) akan disenaraikan dalam Sistem Maklumat Rujukan Kredit Berpusat (CCRIS), orang ramai mula membayar hutang mereka.

BH dalam laporan eksklusif sejak Sabtu lalu mendedahkan lebih 130,000 peminjam PTPTN yang culas akan disenaraikan dalam CCRIS, termasuk 33,000 kakitangan awam pelbagai jawatan kanan yang tidak pernah membayar langsung pinjaman.

Selain disenarai dalam CCRIS, nama mereka juga dihantar kepada Jabatan Imigresen untuk disenarai hitam. Mereka yang disenarai hitam Jabatan Imigresen bukan sahaja tidak boleh keluar negara, malah tidak boleh memperbaharui pasport mereka.

## Semak status nama

Tinjauan BH di kaunter PTPTN di beberapa negeri, semalam, mendapati selain mula membayar hutang tertunggak, ada juga yang datang membuat semakan status mereka.

Di **Georgetown**, seorang kakitangan awam, Rahman Aziz, 29, berkata beliau hadir ke pejabat PTPTN, di sini, bagi menyemak statusnya sama ada tersenarai dalam CCRIS selain mahu membuat bayaran pinjamannya yang tertunggak sejak tiga tahun lalu.

"Saya tidak mahu ambil risiko untuk disenaraikan dalam CCRIS berikutan bayaran saya yang tidak konsisten sejak tamat belajar pada tahun



Antara peminjam yang hadir untuk menyemak baki pinjaman dan membuat bayaran di kaunter PTPTN di Johor Bahru, semalam.

[FOTO ZULKARNAIN AHMAD TAJUDDIN/BH]

2011. Selepas menyemak, saya mendapati nama saya masih belum tersenarai dalam sistem itu.

"Saya tidak membayar selama ini disebabkan faktor masa dan kos sara hidup yang semakin meningkat," katanya ketika ditemui, di sini, semalam.

Nur Ayuni Noor Hasani, 29, berkata beliau turut mengambil peluang untuk menyemak status pinjamannya selepas membaca laporan akhbar BH mengenainya.

"Saya datang ke sini kerana bimbang nama tersenarai dalam CCRIS berikutan hanya membuat bayaran beberapa kali selepas tamat pengajian empat tahun lalu," katanya.

Di **Alor Setar**, peminjam di negeri ini turut mengambil peluang untuk menjelaskan baki ansuran pinjaman masing-masing di kaunter PTPTN di Jalan Tunku Ibrahim dan di Pusat Transformasi Bandar (UTC) di Jalan Kolam Air, di sini.

Janthane Jew, 51, berkata beliau datang untuk membayar pinjaman PTPTN bagi akaun milik anaknya, Yew Chin Yee, 27, yang tertunggak sejak enam bulan lalu.

Ibu kepada tiga anak dari Alor Mengkudu dekat sini, berkata beliau membaca laporan BH mengenai tindakan lebih tegas terhadap peminjam yang liat menyebabkannya menggunakan dahulu wangnya bagi membayar hutang anaknya.

"Anak saya menghadapi ke-

kangan kewangan dan dia meminta saya mendahulukan duit saya, rentetan itu saya datang bagi menjelaskan ansuran sebanyak RM500," katanya ketika ditemui di kaunter PTPTN di Jalan Tunku Ibrahim, di sini.

## Bayaran meningkat

Kakitangan PTPTN Kedah, mengakui ada peningkatan lebih 50 peratus jumlah pembayaran pinjaman secara harian di negeri berkenaan sejak dua hari lalu.

"Pada hari biasa sebelum ini, kira-kira 30 peminjam datang ke kaunter PTPTN untuk menjelaskan ansuran, namun sejak dua hari ini ia meningkat kepada lebih 50 orang," katanya.

Di **Kota Bharu**, PTPTN Kelantan mengutip kira-kira RM35,000 sehari sejak amaran senarai hitam itu dikeluarkan.

Pengurus PTPTN Kelantan, Mohd Azrul Akmal Mamat, berkata kaunter PTPTN cawangan di Bangunan MARA dan Pasaraya Tesco, di sini, paling ramai dikunjungi.

"Bagi memudahkan peminjam membuat pelbagai urusan bayaran, kami membuka kiosk di ruang legar Tesco dan ruang legar bangunan MARA," katanya.

Sementara itu, Eksekutif Pengurusan PTPTN, Adibah Abd Hadi, berkata pihaknya mengutip kira-kira RM100,000 sejak kiosk itu beroperasi akhir bulan lalu.



Nur Ayuni Noor Hasani



Rahman Aziz

Di **Kota Kinabalu**, Eksekutif Pemasaran PTPTN, Munirah Jaidin, berkata orang ramai yang berurusan di pejabat PTPTN Sabah di Warisan Square di sini, meningkat berbanding sebelumnya.

"Selalunya pejabat ini lengang, tetapi awal pagi ini (semalam) ada yang datang bertanya bagaimana nak membuat pemotongan gaji selain menyemak baki akaun," katanya.